

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 JUN 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Selangor dapatkan pakar dari WHO, Iran, Singapura kaji kandungan air bekas lombong	BERNAMA
2.	El Nino this year won't be extreme, says dept	Sunday Star
3.	Gempa bumi sederhana landa Semenanjung Minahassa, Sulawesi	BERNAMA
4.	Angin kencang dan laut bergelora dijangka berterusan sehingga Ahad	BERNAMA
5.	Polis tahan 16 peserta demonstrasi kilang Lynas	BERNAMA



Selangor Dapatkan Pakar Dari WHO, Iran, Singapura Kaji Kandungan Air Bekas Lombong

SHAH ALAM, 22 Jun (Bernama) -- Kerajaan Selangor akan mendapatkan khidmat pakar dari Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan Iran bagi membuat kajian terhadap kandungan sumber air termasuk dari tasik bekas lombong dan sungai yang membekalkan air ke pelbagai loji rawatan air di negeri itu.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata pihaknya juga akan mendapatkan khidmat pakar dari Singapura berdasarkan pengalaman negeri itu mengurus sumber bekalan airnya terutama dalam menghasilkan air yang dikitar semula (NEWater).

"Mengapa Singapura? sebab NEWater dia ialah hasil air yang mempunyai 'chemical' sangat banyak.

"Ramai rakan politik tidak suka Singapura terlibat tetapi kita anggap ini satu usaha profesional yang perlu kita lakukan.

"Kita beri mereka masa dua minggu untuk buat kajian dan selepas kajian barulah mereka buat pengumuman," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Laman Seni Seksyen 7 di sini hari ini.

Mengulas mengenai dakwaan Anggota Parlimen Klang Charles Santiago semalam bahawa kandungan air yang diperoleh dari tasik bekas lombong mungkin tidak selamat digunakan ketika musim kemarau, Abdul Khalid berkata kenyataan itu perlu disokong dengan kajian ilmiah dan profesional.

Beliau turut membidas kenyataan Charles itu yang disifatkan hanya bertujuan meraih publisiti murahan.

"Kita tidak boleh buat kenyataan dengan tiada sokongan ilmiah, jika tidak kita dianggap membuat spekulasi. Orang awam boleh buat demikian, tapi kerajaan tidak boleh, kerajaan yang bertanggungjawab mesti buat kajian ilmiah.

"Berdasarkan kenyataannya itu boleh jadi Yang Berhormat (Charles) merasakan pakar di Malaysia termasuk doktor, dari Kementerian Kesihatan dan [Jabatan Kimia](#) tidak sampai ke tahap (baik)," katanya.

Dalam kenyataannya, Charles berkata kandungan toksik logam dalam air kolam tersebut mungkin mencair ke tahap yang selamat dalam keadaan biasa dan oleh itu menunjukkan bahawa ia selamat untuk diminum.

Bagaimanapun beliau berkata semasa musim kemarau, nisbah kepekatan logam berbahaya menyebabkan ia mungkin tidak lagi di tahap yang dianggap selamat untuk diminum.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan negara dijangka mengalami musim kering pada bulan Jun sehingga September tahun ini.

Pertubuhan Meteorologi Dunia pula meramalkan fenomena El Nino berkemungkinan berlaku pertengahan tahun ini dan berlanjutan antara enam hingga 18 bulan.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 22 JUN 2014 (AHAD)



Gempa Bumi Sederhana Landa Semenanjung Minahassa, Sulawesi

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.7 pada skala Richter, melanda semenanjung Minahassa di Sulawesi, Indonesia, pada 5.51 pagi tadi.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu berpusat 68 kilometer dari barat daya Gorontalo, Indonesia, dan 707km di tenggara Semporna, Sabah.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA



Angin Kencang Dan Laut Bergelora Dijangka Berterusan Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Angin kencang barat daya dan laut bergelora di kawasan perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah (Kudat dan Pantai Barat) diramal berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan Ahad berkata keadaan angin berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Keadaan sama turut dijangka melanda perairan Phuket, Selat Melaka Utara, Samui, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan.

Kenyataan itu juga memberi amaran ribut petir di perairan Terengganu, Sarawak (Bintulu dan Mukah), Sabah (Sandakan), Samui, Bunguran, Reef North, Reef South, Palawan, Sulu dan Sulawesi dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Keadaan itu boleh mengakibatkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam serta laut bergelora dengan ketinggian ombak mencecah 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 22 JUN 2014 (AHAD)

El Nino this year won't be extreme, says dept

PETALING JAYA: Unlike the extreme El Nino in 1997 and 1998, the effects this year may not cause widespread or prolonged water shortages, said the **Meteorological Department**.

Spokesman Dr Hisham Mohd Anip said the intensity of this year's El Nino would be weak and moderate.

"The good news is that we may not see the dry dams and taps which we had in 1997 and 1998,"

he told *The Star*.

Dr Hisham pointed out that the last El Nino, between 2009 and 2010, was also moderate and passed with little impact.

"Nobody even noticed," he said.

However, he pointed out that their El Nino analysis was a long-term forecast and underscored that mother nature was unpredictable.

Dr Hisham said the global



weather phenomenon occurred every four years on average and could last up to 18 months.

"It develops in the middle of the year and matures in December or January before it weakens and ends in March," he said.

El Ninos starts with the unusual warming of the ocean surface in the tropics before it spreads and affects other parts of the globe.

The last extreme El Nino reportedly resulted in the deaths of an

estimated 23,000 people around the world due to extreme hot weather, drought, wildfires, floods and cyclones.

Dr Hisham said that most of Malaysia had good or moderate Air Pollutant Index (API) readings yesterday.

"We are still in a dry period, which will last for one or two weeks, and there could be some haze," he said, adding that there should be more rain next month.

